# Notis Pemberitahuan

## Bil Digital Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2021

Untuk makluman semua pemilik unit,

Bermula tahun 2021, penghantaran bil cukai taksiran menggunakan kertas adalah dihentikan dan semua pemegang harta di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) hanya akan menerima bil akaun masing-masing secara digital.

Bersama ini disertakan Poster Bil Digital Cukai Taksiran untuk tindakan selanjutnya.

Pihak Pengurusan
Taman Amansiara
(28 Oktober 2020)



Majlis Perbandaran Selayang



# JOM TUKAR KEPADA BIL DIGITAL

Tiada Cetakan dan Penghantaran
Bil Kertas Bermula

## TAHUN 2021

Imbas untuk kemaskini maklumat



## Apa perlu anda buat?

### 1 KEMASKINI

**IMBAS QR KOD** di bil yang anda terima bersama notis ini atau layari **digitalbil.mps.gov.my** untuk kemaskini profil peribadi dan e-mel anda.

### 2 CABUTAN BERTUAH

**KEMASKINI SEBELUM 31 OKTOBER 2020** untuk memenangi hadiah menarik dalam ***cabutan bertuah** yang akan diadakan.

### 3 BANTUAN

**HUBUNGI** Jabatan Perbendaharaan (Bahagian Hasil) di 03-6126 5800 untuk pertanyaan atau bantuan pendaftaran.

* Tarikh cabutan dan hadiah cabutan bertuah akan dimaklumkan kemudian. Tertakluk kepada terma dan syarat. Layari www.mps.gov.my untuk maklumat lanjut berkaitan penamatan cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran MPS melalui pos.

**Majlis Perbandaran Selayang**
Menara MPS,
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-6126 5800 • Faks: 03-6138 8933
E-mail: aduanmps@mps.gov.my • http://www.mps.gov.my

Majlis Perbandaran Selayang

TAHUN

QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015
Registration No : QMS 01861

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

selangorku

*(Sila sebutkan No. Rujukan bila menjawab)*

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : **Bil.(56)dlm.MPS 3/2-1839/9 Jld 8**

Tarikh : **12 Oktober 2020**

**SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN,**

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN HEBAHAN DAN EDARAN POSTER BIL DIGITAL CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2021**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang berusaha melestarikan alam sekitar. Bermula tahun 2021, penghantaran bil cukai taksiran menggunakan kertas adalah dihentikan dan semua pemegang harta di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang hanya akan menerima bil akaun masing-masing secara digital.

3. Sehubungan itu, Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan hendaklah membuat hebahan berkaitan perkara tersebut kepada semua pemilik perumahan berstrata di bawah pentadbiran badan pengurusan masing-masing. Bersama ini juga disertakan Poster Bil Digital Cukai Taksiran untuk tindakan selanjutnya.

Segala kerjasama amatlah diharapkan dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"MESRA CEPAT TEPAT BERKUALITI"**
**"SELAYANGKU SAYANG"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Sr. MOHD ASRAF BIN MAT YAJID)**
Timbalan Pesuruhjaya Bangunan II / Pengarah,
Jabatan Pesuruhjaya Bangunan,
Majlis Perbandaran Selayang.

*Khaizul_hebahanposterbilcukaiMPS*

**S.k.** **Pesuruhjaya Bangunan / Yang Dipertua,**
**Majlis Perbandaran Selayang.**

**Pengarah Jabatan Perbendaharaan,**
**Majlis Perbandaran Selayang.**